

# Abdullah terima Anugerah Juara Pembasmi Polio

UM - 29/5/2007

**PUTRAJAYA**, 28 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menerima Anugerah Juara Pembasmi Polio daripada Rotary International sebagai menghargai komitmen dan sumbangan Malaysia terhadap pembasmian penyakit itu.

Bekas Presiden Rotary International, Bhichai Rattakul, yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri Thailand, menyampaikan anugerah itu kepada Abdullah di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Pada 2004, kerajaan Malaysia menyumbang AS\$1 juta kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi menyokong usaha antarabangsa untuk menghapuskan polio.

Malaysia merupakan negara pertama dalam kalangan anggota Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC) membuat sumbangan ini, dan langkah Malaysia kemudiannya diikuti oleh beberapa negara OIC yang lain. Sumbangan daripada negara OIC kepada tabung itu kini berjumlah AS\$8.6 juta.

Anugerah Juara Pembasmi Polio itu diperkenalkan pada 1995 bagi mengiktiraf sumbangan kerajaan dan pemimpin dunia ke arah membasmi penyakit itu. Antara yang pernah menerimanya ialah bekas Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, dan bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kofi Annan.

- Bernama



**ABDULLAH Ahmad Badawi menerima Anugerah Juara Pembasmi Polio daripada Bhichai Rattakul di Putrajaya, semalam.**

- Gambar Bernama